

## HUKUM AKAD *AL-TAWARRUQ AL-MUNAZZAM* MENURUT SARJANA KONTEMPORARI: SATU SOROTAN LITERATUR

*Mohamad Rizal, M. N.*

Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

E-mail: [rizal@usas.edu.my](mailto:rizal@usas.edu.my)

---

### Abstrak

Perbankan Islam menawarkan produk-produk kewangan yang setanding dengan perbankan konvensional. Namun, terdapat akad yang kontroversi telah diterima pakai hingga mengundang kritikan daripada sarjana-sarjana tempatan dan antarabangsa tentang perjalanan perbankan Islam khususnya di Malaysia. Antara akad yang dimaksudkan ialah *bay' al-tawarruq* bagi menggantikan akad *bay' al-'inah*. Objektif kajian ini adalah menganalisis hukum akad *al-tawarruq al-munazzam* menurut sarjana kontemporari. Dapatan kajian yang menunjukkan terdapat tiga pandangan sarjana kontemporari berkaitan hukum akad *al-tawarruq al-munazzam*. Pandangan pertama berpendirian akan keharusan akad ini. Pandangan kedua pula menolak keharusannya. Manakala pandangan yang ketiga mengambil pendirian kompromi, dengan mengambil kira jika tujuan aplikasi akad ini adalah menjauhi wasilah yang diharamkan, serta selaras dengan *dawabit* yang digariskan maka hukumnya adalah harus. Namun, jika zahir pelanggaran *dawabit* serta wujud elemen *al-hilah* dan *al-tawatu'*, maka akad ini tidak diharuskan.

**Kata kunci:** Hukum; Akad; *Al-tawarruq al-munazzam*; *Bay' al-'inah*; *Al-hilah*.

---

### Pengenalan

Akad *al-tawarruq* yang juga dikenali sebagai 'komoditi murabahah' merupakan akad yang paling meluas digunakan oleh IPI di Malaysia masa kini. Menurut Financial Stability and Payment Systems Report (2016), produk-produk perbankan Islam yang berasaskan akad ini telah menguasai 22.4% dari komposisi pembiayaan berasaskan kontrak syariah. Akad *al-tawarruq* juga menduduki perubahan peratusan tertinggi bagi tahun 2014-2016 iaitu sebanyak 104% manakala akad *bay' al-'inah* pula telah semakin merosot kepada (-)24% dari sudut aplikasinya. Meluasnya penggunaan akad ini bukan sahaja bagi menggantikan akad *bay' al-'inah* yang dikatakan kontroversi, tetapi kerana fleksibiliti yang ada pada akad ini (Asyraf Wajdi *et.al.*, 2013) untuk dijadikan asas pelbagai produk meliputi pembiayaan, deposit dan pengurusan kecairan institusi kewangan.

Namun, masih timbul pertikaian dan kritikan mengenai akad ini kerana dikatakan mempunyai elemen *al-hilah* seperti yang wujud dalam akad *bay' al-'inah*, khususnya *al-tawarruq al-munazzam* (Al-Rushaydi, 2005; Rafe Haneef, 2009; Asyraf Wajdi, 2010 dan 2013; Mohd Farhan Ahmad dan Mohd Adib Ismail, 2011; Luqman Nurhisam, 2016).

Dari sudut fatwa akademi fiqh kontemporari, dalam sesi ke-15 persidangan Akademi Fiqh, OIC pada September 1998M/1419H membenarkan akad ini dengan syarat pembeli aset (pelanggan) tidak menjual semula aset tersebut kepada penjual asal, bagi mengelakkan berlakunya transaksi *bay' al-'inah* yang diharamkan. Manakala Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) dalam Piawaian 30 yang dikeluarkan pada November 2006M/1427H mengharuskan akad *al-tawarruq* tetapi tertakluk pada kawalan transaksi yang digariskan. Namun dalam persidangan ke-19 pada April 2009M/1430H, Akademi Fiqh OIC telah mengeluarkan Resolusi 179 (5/19) yang menolak keharusan akad *al-tawarruq* (*al-munazzam* dan *al-'aks*) kerana wujudnya pakatan antara pembiaya dengan pelanggan (*mustawriq*) sama ada secara eksplisit, implisit atau berdasarkan *'uruf*, sebagai satu bentuk helah untuk mendapatkan tunai tetapi perlu membayarnya secara tangguh dengan harga yang lebih tinggi.

Dalam konteks Malaysia, pada dasarnya akad ini diterima apabila Majlis Penasihat Shariah, Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dalam mesyuaratnya yang ke-51, pada 28 Julai 2005 bersamaan 21 Jamadil Akhir 1426 telah mengeluarkan resolusi keharusan akad *al-tawarruq* sebagai asas bagi produk pembiayaan dan deposit. Kemuncaknya adalah dengan penubuhan *Bursa Suq al-Sila'* (BSAS) untuk menjadi platform transaksi akad ini. BNM juga telah mengeluarkan dokumen polisi pelaksanaan *al-tawarruq* pada 17 November 2015 dan berkuatkuasa bermula 1 Julai 2016.

Walau bagaimanapun, pertikaian masih lagi timbul kerana perubahan yang berlaku dalam transaksi akad *al-tawarruq* di BSAS dikatakan adalah bersifat teknikal dan prosedural sahaja, bukan hakikatnya kerana masih mereplikasi akad *al-tawarruq* yang dilarang oleh Akademi Fiqh OIC dan AAOIFI. Antara isu-isu kontroversi *al-tawarruq* selain isu *al-hilah* ialah isu berkaitan komoditi yang diperdagangkan, isu pemilikan dan penyerahan, isu kaitan dengan *bay' al-'inah* serta isu perwakilan. Di samping itu, aplikasi akad ini juga dikatakan boleh menimbulkan pelbagai impak negatif kepada sistem kewangan sesebuah negara, kerana ia tidak menunjukkan keadaan ekonomi yang sebenar (*real economy*), penimbunan hutang yang tidak seiring dengan pertumbuhan ekonomi, yang mana natijahnya adalah sama dengan sistem berasaskan riba, kemunculan risiko sistemik disebabkan oleh inovasi kewangan yang tidak sihat, dianggap parasit dalam sistem kewangan Islam dan menimbulkan persoalan moral.

Oleh itu, sorotan kajian perlu dilakukan untuk menjelaskan kedudukan sebenar akad ini menurut pandangan sarjana kontemporari. Kajian ini tidak menyentuh isu-isu berkait yang turut ditimbulkan memandangkan keterbatasan ruang yang ada.

## Metodologi

Kajian ini secara umumnya adalah penyelidikan kualitatif yang bersifat analisis diskriptif. Tumpuan kajian adalah untuk menganalisis hukum akad *al-tawarruq al-munazzam* menurut sarjana kontemporari.

Pengumpulan data diperoleh melalui pembacaan teks-teks berkenaan tajuk kajian dan temuramah peribadi secara berfokus. Penyelidik menggunakan kaedah analisis dokumen dan analisis kandungan yang diadaptasi daripada bidang penyelidikan sains kemanusiaan. Ia adalah lanjutan daripada kajian kepustakaan yang melibatkan analisis penulisan-penulisan berkaitan tajuk yang dikaji (Ahmad Sunawari Long, 2016).

## Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan perbincangan para sarjana, akad *al-tawarruq* dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

### *Al-Tawarruq al-Fiqhi / al-Fardi*

Definisi akad *al-tawarruq* secara individu iaitu seorang individu membeli suatu barang secara kredit sama ada secara rundingan (tawar-menawar) atau murabahah, kemudian dia menjualnya kepada selain daripada individu yang dibeli daripadanya untuk mendapatkan tunai, dengan harga yang dibayar secara tunai (Shubayr, 2009). Dinamakan *al-tawarruq al-fiqhi* kerana dinisbahkan kepada kitab-kitab fiqh silam yang membincangkan akad ini. Dinamakan juga *al-tawarruq al-fardi* kerana akad ini dilaksanakan secara individu (al-Hunayti, 2009), tidak melibatkan institusi.

### *Al-Tawarruq al-Munazzam / al-Masrifi*

Dinamakan sebagai 'terancang' kerana praktis akad *al-tawarruq* kategori ini adalah melibatkan institusi perbankan Islam dengan pelanggannya (al-Hunayti, 2009). Pihak bank menjual suatu komoditi kepada pelanggan yang memerlukan kecairan (tunai) secara kredit dengan harga yang lebih tinggi dari harga semasanya. Kemudian pelanggan tadi mewakilkan kepada bank untuk menjual semula komoditi tersebut kepada pihak lain dengan harga yang lebih rendah secara tunai. Hasilnya, pelanggan mendapat tunai seperti yang dikehendakinya, namun dia perlu membayar kepada pihak bank secara ansuran untuk menyelesaikan komitmennya (Shubayr, 2009).

### *Al-Tawarruq al-'Aksi*

Akad *al-tawarruq* kategori ini adalah 'keterbalikan' dari kategori yang kedua. Ia diaplikasikan dalam produk akaun simpanan berjangka, di mana pelanggan (depositor) mewakilkan pihak bank untuk membeli komoditi tertentu, lalu pelanggan tadi menyerahkan bayarannya secara tunai. Kemudian pihak bank pula membeli barang tersebut secara kredit daripada pelanggan dengan keuntungan yang disepakati (Shubayr, 2009; al-Hunayti, 2009).

Penulisan ini hanya memfokuskan tentang akad *al-tawarruq al-munazzam*. Berdasarkan penulisan-penulisan yang membincangkan tentang akad *al-tawarruq al-munazzam*, para sarjana mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan hukum akad ini. Penyelidik menyimpulkan semula pandangan sarjana kontemporari seperti berikut:

**Pandangan Pertama:** Menerima keharusan akad *al-tawarruq al-munazzam* untuk dijadikan konsep asas bagi pelbagai produk kewangan Islam, sekali gus berperanan sebagai alternatif bagi pembiayaan ribawi. Ini adalah pandangan Ab. Mumin Ab. Ghani (2005), Ahmad Fahd al-Rushaydi (2005), Agim Metalla (2006), Salih Muhammad al-Khudairi (2009), Ibrahim Ahmad 'Uthman (2009), Hasan 'Ali al-Shazili (2009), Asmak Ab Rahman *et.al* (2010), Hussein Azeemi (2014), Mohd Izuwan Mahyudin (2015), Siti Aishah Kasmon (2015), Mohd Izuwan Mahyudin (2015), Mohd Nor Hisham bin Mazlan (2016), Luqman Nurhisam (2016), Ashraf Md. Hashim (2019), Mohamed Fairouz Abdul Khir (2019) dan Atikullah bin Abdullah (2019).

Antara dalil-dalil dan hujah pandangan ini adalah:

Hujah pertama, firman Allah s.w.t.:

Maksudnya: Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

(Al-Baqarah, 2: 275)

*Wajhu al-dalalah:* Allah telah menghalalkan semua bentuk jual beli, termasuklah *bay' al-tawarruq*, kerana lafaz *al-bay'* datang dengan lafaz umum yang diambil dari *alif* dan *lam li al-jins* yang mencakupi (*al-istighraq*) semua jenis dan bentuk jual beli, kecuali ada dalil yang mentakhsiskannya, seperti yang dibincangkan oleh *al-usuliyun* (Shubayr, 2009; al-Hunayti, 2009; al-Rushaydi, 2005).

Hujah kedua, firman Allah s.w.t.:

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah secara hutang (tidak tunai / bertangguh) untuk waktu yang ditentukan, maka hendaklah kamu mencatatnya ....

(Al-Baqarah, 2: 282)

*Wajhu al-dalalah:* *Bay' al-tawarruq* merupakan satu bentuk transaksi hutang yang termasuk dalam makna umum ayat di atas, maka hukumnya adalah harus. Hal ini kerana ia mengandungi elemen pembelian barang secara bertangguh (kredit), oleh itu apabila barang tersebut telah berpindah milik kepada pembeli, harus baginya melakukan sebarang bentuk urusaniaga seperti menjual, menyewakan, memberi atau menggunakannya sendiri (Shubayr, 2009; al-Hunayti, 2009; al-Rushaydi, 2005).

Hujah ketiga, dalil daripada hadis:

Maksudnya: Daripada Abi Hurairah dan Abi Sa'id: Bahawa Rasulullah s.a.w. telah melantik seorang lelaki (sebagai wakilnya) di Khaibar. Lalu dia mendatangi baginda dengan membawa tamar *janib*<sup>1</sup>. Nabi bertanya kepadanya, "Adakah semua tamar di Khaibar begini keadaannya?" Lelaki itu menjawab, "Kami mengambil segantang tamar ini (*janib*) dengan dua gantang (tamar *al-jam'*)<sup>2</sup> dan dua gantang (tamar *janib*) dengan tiga gantang (tamar *al-jam'*)". Maka berkata Rasulullah, "Jangan kamu lakukan demikian, tetapi juallah *tamar al-jam'* dengan dirham, kemudian kamu belilah dengan dirham tersebut akan *tamar janib*".

Riwayat al-Bukhari (no: 2201 & 2202); Muslim (no: 4082)

*Wajhu al-dalalah:* Berdasarkan hadis di atas, Nabi menunjukkan jalan keluar (*al-makhraj*) untuk mengelakkan riba dalam transaksi tersebut kepada satu bentuk transaksi yang tiada padanya elemen riba, iaitu akad jual beli yang sah, yang memenuhi rukun-rukun dan syarat-syaratnya. Maka dapatlah disimpulkan bahawa hadis ini menjadi dalil keharusan bentuk-bentuk jual beli yang boleh merealisasikan apa-apa tujuan selagi mana dilaksanakan dalam bentuk yang disyariatkan, terhindar dari elemen-elemen riba, sekalipun tujuannya adalah untuk mendapatkan tunai (kecairan) kerana keperluan pihak yang terlibat (Shubayr, 2009; al-Hunayti, 2009; al-Rushaydi, 2005).

Hujah keempat, dalil Kaedah Fiqh:

---

<sup>1</sup> tamar yang elok kualitasnya.

<sup>2</sup> tamar yang bercampur-campur dan rendah kualitasnya.

*Hukum asal bagi muamalat sama ada akad ataupun syarat adalah harus, kecuali ada dalil yang menunjukkan keharamannya* (Ibn Taymiyyah, 1951; Ibn Qayyim, 2000; al-Shatibi, 2006)

Kaedah ini menjelaskan bahawa hukum asal bagi apa-apa bentuk muamalat adalah harus. Oleh itu, seseorang yang mengatakan akad *al-tawarruq* adalah harus, maka ia tidak dituntut mengemukakan dalil kerana pendiriannya adalah selaras dengan hukum asal. Sebaliknya, yang dituntut untuk mengemukakan dalil adalah mereka yang berpandangan akan keharamannya, kerana ia bercanggah dengan hukum asal (Shubayr, 2009; al-Hunayti, 2009; al-Rushaydi, 2005).

Hujah kelima, dalil Kaedah Fiqh:

*Keperluan mengambil tempat darurat, sama ada umum ataupun khusus.*

Menurut al-Zarqa (1989), *al-darurah* bermaksud keadaan yang terdesak kepada sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Manakala *al-hajah* pula adalah keadaan yang menuntut kemudahan untuk mencapai tujuan yang tertentu. Kaedah di atas menjelaskan bahawa dalam keadaan keperluan (*al-hajah*), di mana tidak terdapat nas secara langsung mengenainya, atau tiada nas yang menegahnya secara khusus serta tiada yang sebanding dengannya dalam syarak untuk disamakan, sedangkan ia mengandungi masalah dan manfaat, maka ia adalah diharuskan.

Dalam konteks kaitan kaedah di atas dengan akad *al-tawarruq*, pihak yang melakukan akad ini dalam keadaan sangat perlu kepada tunai, sedangkan tiada siapa yang akan memberikannya hutang tanpa riba, maka akad ini adalah dibenarkan (Shubayr, 2009; al-Rushaydi, 2005).

Hujah keenam, dalil logika (*ma'qul*):

*Bay' al-tawarruq* sepertimana *bay' al-'inah* pada zahirnya adalah akad yang sempurna rukun dan syarat-syaratnya, oleh itu hukumnya adalah harus (Al-Zuhayli, 1998). Tambahan pula akad ini merupakan alternatif syarak untuk menggantikan pinjaman (hutang) beserta faedah yang diharamkan bagi mendapatkan tunai (Shubayr, 2009).

**Pandangan Kedua:** Menolak keharusan akad ini kerana dikategorikan sebagai *bay' al-'inah* dan mempunyai elemen *al-hilah* yang diharamkan. Sarjana yang berpandangan begini adalah Mohammad Nejatullah Siddiqi (2007), Zubair Hasan (2008), Sa'id Bouheraoua (2009), 'Ali Ahmad al-Salus (2009), Husayn Kamil Fahmi (2009), 'Uthman Shubayr (2009), Hana' Muhammad Hilal al-Hunayti (2009), 'Abd al-'Aziz al-Khayyat (2009), Ibrahim Fadil al-Dabu (2009), Ahmad bin 'Abd al-'Aziz al-Haddad (2009), 'Abd al-Rahman Yusra Ahmad (2009), Nourah Mohammad Aleshaikh (2011), 'Abd al-Ilah al-Mazru' (2012), Ahmad Muhammad Lutfi (2013), Riyadh bin Rashid 'Abdullah (2013), Ahmad Alkhamees (2014), Ma'en Sa'oud Abu Bakr (2014) dan Sohaib Umar (2016).

Berdasarkan sorotan literatur, dapat disimpulkan bahawa dalil-dalil pihak yang tidak mengharuskan *bay' al-tawarruq al-munazzam* adalah berasaskan ketidakharusan akad *al-tawarruq al-fiqhi*. Dalil-dalil yang dikemukakan adalah akad ini dikategorikan sebagai *bay' al-'inah* dan *bay' al-mudtarr*, terdapat *athar* para sahabat seperti 'A'ishah dan Ibnu 'Abbas yang mengharamkannya, ia termasuk dalam *al-hilah al-ribawiyah* yang diharamkan, serta aplikasi kaedah *sadd al-dhari'ah*.

Manakala dalil-dalil tambahan yang dikemukakan adalah berdasarkan praktis semasa yang berlaku seperti berikut:

- i. Perlantikan penjual (bank) sebagai wakil pelanggannya untuk menjual semula komoditi kepada pembeli yang lain menjadikan urusniaga tersebut sama seperti *bay' al-'inah* yang diharamkan menurut pandangan yang *rajih* di sisi ulama (Al-Haddad, 2009). Perlantikan ini boleh berlaku sama ada disyaratkan secara nyata, atau berlaku secara adat.
- ii. Berlakunya kecacatan dari sudut *al-qabd*, di mana dalam kebanyakan urusniaga yang berlaku, pelanggan tidak menerima secara sebenar (*haqiqi*) akan komoditi yang dijual beli (Shubayr, 2009).
- iii. Pelaksanaan *al-tawarruq al-munazzam* melibatkan bebanan kos tambahan dan kerugian kepada pihak *mustawriq* yang memerlukan tunai (Al-Hunayti, 2009).
- iv. Pelaksanaan *al-tawarruq al-munazzam* juga menimbulkan kesan buruk yang lebih besar berbanding faedahnya dalam konteks makroekonomi memandangkan instrumen ini adalah pembiayaan berasaskan hutang (Mohammad Nejatullah Siddiqi, 2007).
- v. Aplikasi akad ini menjadikan perbezaan antara institusi perbankan Islam dengan institusi perbankan konvensional semakin kurang ketara kerana akad *al-tawarruq* dan hutang beserta faedah adalah sama dari sudut natijahnya iaitu mendapatkan tunai dengan penambahan hutang konsumer (*al-duyun al-istihlakiyyah*) (Al-Hunayti, 2009).
- vi. Produk berasaskan akad ini adalah lebih kompleks dan kosnya lebih tinggi berbanding dengan akad hutang ribawi yang dijalankan oleh institusi perbankan konvensional, sedangkan tujuannya adalah sama iaitu mendapat kemudahan tunai ('Abd al-Rahman Yusra Ahmad, 2009).
- vii. Pelaksanaan akad ini tidak menunjukkan keadaan (aktiviti) ekonomi yang sebenar, berlakunya penimbunan hutang yang tidak seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan natijahnya adalah sama dengan sistem berasaskan riba.
- viii. Implikasi pelaksanaan akad ini juga boleh membawa kemunculan risiko sistemik disebabkan oleh inovasi kewangan yang tidak sihat, dianggap parasit dalam sistem kewangan Islam dan menimbulkan persoalan moral (Sohaib Umar, 2016).

**Pandangan Ketiga:** Menerima akad ini tetapi tidak begitu digalakkan atau mengambil pendirian kompromi dalam masalah *al-tawarruq al-munazzam*. Dengan kata lain, jika tujuan aplikasi akad ini adalah menjauhi wasilah yang diharamkan untuk mendapatkan tunai bagi keperluan hidup, serta selaras dengan *dawabit* yang digariskan maka hukumnya adalah harus. Namun, jika zahir pelanggaran *dawabit* serta wujud elemen *al-hilah* dan *al-tawatu'*, maka akad ini ditolak. Ini adalah pandangan Mohd Parid Sheikh Ahmad (2006), Engku Rabiah (2006), Muhammad Taqiy al-'Uthmani (2009), Nazih Kamal Hammad (2009), Salman H Khan (2009), Rafe Haneef (2009), Asyraf Wajdi Dusuki (2010), Nur Farhah Mahadi (2010), Ismail Durame (2010), Abdul Hakam bin Ridlwan (2012), Ibraheem Musa Tijani (2013), Nasrun Mohamad @ Ghazali (2014).

Pandangan di atas telah mengambilkira realiti semasa institusi perbankan Islam dalam konteks persaingannya dengan perbankan konvensional, pertimbangan masalah dan mudarat yang selaras dengan maqasid syariah dari pelbagai sudut.

## Kesimpulan

Berdasarkan penulisan-penulisan yang membincangkan tentang akad *al-tawarruq*, para sarjana mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan hukum akad ini. Pandangan pertama menerima keharusan akad *al-tawarruq* untuk dijadikan konsep asas bagi pelbagai produk kewangan Islam, sekali gus berperanan sebagai alternatif bagi pembiayaan ribawi. Pandangan kedua pula menolak keharusan akad ini kerana dikategorikan sebagai *bay' al-'inah* dan mempunyai elemen *al-hilah* yang diharamkan. Manakala pandangan yang ketiga menyatakan boleh mengaplikasikan akad ini dalam konteks sementara, tetapi tidak begitu digalakkan atau mengambil pendirian kompromi dalam masalah *al-tawarruq al-munazzam*. Dengan kata lain, jika tujuan aplikasi akad ini adalah menjauhi wasilah yang diharamkan untuk mendapatkan tunai bagi keperluan hidup, serta selaras dengan *dawabit* yang digariskan maka hukumnya adalah harus. Namun, jika zahir pelanggaran *dawabit* serta wujud elemen *al-hilah* dan *al-tawatu'*, maka akad ini ditolak.

*Wallahu a'lamu bi al-sawab.*

## Rujukan

### Bahasa Melayu:

- Ab. Mumin Ab. Ghani (2005). *Tawarruq: Inovasi Baru Produk Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Peribadi*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Perbankan Islam Dan Anda: Era Globalisasi di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 27 Jun 2005.
- Abdul Hakam bin Ridlwan (2012). *Aplikasi Konsep Tawarruq dalam Produk FRIA-i di CIMB Islamic Bank Berhad*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Sunawari Long (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Cetakan Ketiga. Bangi: Penerbit UKM.
- Asmak Ab Rahman, Shamsiah Mohammad dan Iman Mohd Salleh (2010). *Bay' al-tawarruq dan Aplikasinya Dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad*. Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 2 (2010), p: 333-360.
- Bank Negara Malaysia (2011). *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Engku Rabiah Engku Ali (2006). *Isu-isu dalam Bay' al-'Inah dan Bay' al-Tawarruq: Perspektif Hukum*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Langkawi. 28-29 Jun 2006.
- Hussein Azeemi (2014). *Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi-i Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*. Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Mohd Farhan Ahmad dan Mohd Adib Ismail (2011). *Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan*. Prosiding PERKEM VI, JILID 2 (2011) 178 – 183 ISSN: 2231-962X.
- Mohd Izuwan Mahyudin (2015). *Aplikasi Tawarruq Dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad*. Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Mohd Nor Hisham bin Mazlan (2016). *Penggunaan Tawarruq di Platform Bursa Suq al-Sila' dan Pelaksanaannya dalam Perbankan Islam di Malaysia*. Tesis Sarjana, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Universiti Malaya.

Mohd Parid Sheikh Ahmad (2006). *Bay' al-'Inah dan Tawarruq: Kaedah dan Pendekatan Penyelesaian*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Langkawi. 28-29 Jun 2006.

Mohd Saleh Ahmad (2002). *Qawa'id Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Siti Aishah Kasmon (2015). *Analisis Pelaksanaan Tawarruq dalam Produk Pembiayaan Peribadi di Malaysia: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

### **Bahasa Arab:**

'Abd al-Ilah bin Mazru' (2012). *Al-Hiyal fi al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Istikhdamatuha fi al-Masarif al-Islamiyyah: al-Tawqarruq al-Munazzam Anmuzajan*. Artikel yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam anjuran ISRA di Kuala Lumpur, pada 27 November 2012.

'Abd al-Rahman Yusra Ahmad (2009). *Al-Tawarruq Mafhumuhu wa Mumarasatuhu wa al-Athar al-Iqtisadiyyah al-Mutarattibah 'ala Tarwijihi min Khilal Bunuk Islamiyyah*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.

Agim Metalla (2006). *Bay' al-Tawarruq wa Tatbiqatuhu al-Masrifiyyah al-Mu'asirah Dirasah Tahliliyyah*. Tesis Sarjana Undang-undang Perbandingan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ahmad Muhammad Lutfi (2013). *Al-Tawarruq wa Tatbiqatuhu fi al-Masarif al-Islamiyyah*. Al-Mansurah: Dar al-Fikr wa al-Qanun.

\_\_\_\_\_ (1993). *Sharh Muntaha al-Iradat*. Jilid 2. Beirut: 'Alam al-Kutub.

Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il (1400H). *Al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah (saw) wa Sunanihi wa Ayyamihi* (tahqiq: Muhibb al-Din al-Khatib). c. Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah.

Al-Dabu, Ibrahim Fadil (2009) dalam tulisannya bertajuk *Al-tawarruq Haqiqatuhu, Anwa'uhu (al-Fiqhi al-Ma'ruf wa al-Masrifi al-munazzam)*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.

Al-Haddad, Ahmad bin 'Abd al-'Aziz (2009). *Al-Tawarruq Haqiqatuhu, Anwa'uhu (al-Fiqhi al-Ma'ruf wa al-Masrifi al-Munazzam)*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.

Al-Hunayti, Hana' Muhammad Hilal (2009). *Al-Tawarruq Haqiqatuhu, Anwa'uhu (al-Fiqhi al-Ma'ruf wa al-Masrifi al-Munazzam)*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.



- Al-Khayyat, 'Abd al-'Aziz (2009). *Al-Tawarruq Haqiqatuhu, Anwa'uhu (al-Fiqhi al-Ma'ruf wa al-Masrifi al-Munazzam)*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Al-Khudayri, Salih Muhammad (2009). *Al-Tawarruq wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah fi al-Masarif al-Islamiyyah*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
- Al-Rushaydi, Ahmad Fahd (2005). *'Amaliyyat al-Tawarruq wa Tatbiqatuhu fi al-Masarif al-Islamiyyah*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Salus, 'Ali Ahmad (2009). *Al-Tawarruq Haqiqatuhu wa Anwa'uhu*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa (2006). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* (tahqiq: Dr. Muhammad al-Askandarani dan 'Adnan Darwish). Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Shazili, Hasan 'Ali (2009). *Al-Tawarruq Haqiqatuhu wa Hukmuhu wa al-Farqu Baynahu wa Bayna al-'Inah wa al-Tawriq*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Al-'Uthmani, Muhammad Taqiy (2009). *Ahkam al-Tawarruq wa Tatbiqatuhu al-Masrifiyyah*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad (1989). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* (tashih dan ta'liq: Mustafa Ahmad al-Zarqa). Cetakan 2. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. 2 j. Cetakan 2. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_ (1997). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Husayn Kamil Fahmi (2009). *Al-Tawarruq al-Fardi wa al-Tawarruq al-Masrifi (al-Munazzam)*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abu 'Abd Allah Muhammad (2000). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin* (tahqiq: Bashir Muhammad 'Ayun). Jilid 2. Damshiq: Maktabah Dar al-Bayan.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim (1951). *Al-Qawa'id al-Nuraniyyah al-Fiqhiyyah* (tahqiq: Muhammad Hamid al-Faqi). Kaherah: Maktabah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.
- Ibrahim Ahmad 'Uthman (2009). *Al-Tawarruq Haqiqatuhu wa Anwa'uhu (al-Fiqhi al-Ma'ruf wa al-Masrifi al-Munazzam)*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Ismail Durame (2010). *Al-Tamwil bi Sighah al-Tawarruq fi al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah: Dirasah fi Daw'i Maqasid al-Shari'ah*. Tesis sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ma'en Sa'oud Abu Bakr (2014). *Al-Tawarruq al-Fiqhi Kama Tujrihi al-Masarif al-Islamiyyah*, dalam Majallah al-Shari'ah wa al-Qanun, Kulliyah al-Qanun, Jami'ah al-Imarat al-'Arabiyyah al-Muttahidah. Bil: 57, Tahun 28, h. 279-329.

- Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim (2000). *Sahih Muslim*. Cetakan 2. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Nazih Kamal Hammad (2009). *Al-Tawarruq Hukmuhu wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Riyad bin Rashid 'Abdullah (2013). *Al-Tawarruq al-Masrifi*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Sa'id Bouheraoua (2009). *Al-Tawarruq al-Masrifi Dirasah Tahliliyyah Naqdiyyah li al-Ara' al-Fiqhiyyah*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.
- Shubayr, Muhammad 'Uthman (2009). *Al-Tawarruq al-Fiqhi wa Tatbiqatuhu al-Masrifiyyah al-Mu'asirah fi al-Fiqh al-Islami*. Artikel yang dibentangkan pada persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islami Antarabangsa yang diadakan di 'Imarah al-Shariqah, UAE pada 26-30 April 2009.

#### **Bahasa Inggeris:**

- Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (1432H – 2010). *Shari'ah Standards for Islamic Financial Institutions*. Manama, Bahrain: AAOIFI.
- Ahmad Alkhamees (2014). *A Critique of Creative Shari'ah Compliance in the Islamic Finance Industry with Reference to the Kingdom of Saudi Arabia and the United Kingdom*. Tesis Ph.D, University of Warwick, UK.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2010). *Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve The Controversy Over Tawarruq?* ISRA Research Paper (No: 10 /2010).
- Asyraf Wajdi Dusuki, M. Mahbubi Ali & Yulizar D. Sandrego (2013). *The Application of Commodity Murabahah in Bursa Suq al-Sila' Malaysia vis-a-vis Jakarta Future Exchange Shariah Indonesia: A Comparative Analysis*. ISRA International Journal of Islamic Finance. Vol. 5, Issue 1, 2013, p: 191 – 200.
- Bank Negara Malaysia (2015). BNM/RH/PD 028-8. Islamic Banking and Takaful Department. Tawarruq.
- Bank Negara Malaysia (2016). *Shariah Standards and Operational Requirements*, Series 1. Financial Stability and Payment Systems Report 2016. PDF. Diakses dari [http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/en/2016/fs2016\\_book.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/en/2016/fs2016_book.pdf)
- Ibraheem Tijani (ed.) (2017). Discussions/Dialogues – Islamic Economic Forum. Topic: Tawarruq. Date: 24/3/2017 – 9/4/2017.
- Ibraheem Musa Tijani (2013). *A Snapshot Of Tawarruq In Contemporary Islamic Finance*. Bloomberg ISRA, September 2013.

- Luqman Nurhisam (2016). *Bai' Al-tawarruq: Concept Of Islamic Financing?* Journal of Emerging Economies and Islamic Research 2016, Vol .4, No.3, p: 49-59.
- Nasrun Mohamad @ Ghazali (2014). *Tawarruq in Malaysian Financing System: A Case Study On Commodity Murabahah Product at Maybank Islamic Berhad.* Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Nourah Mohammad Aleshaikh (2011). *Jurisprudence on Bay' al-tawarruq: Contextual Evaluation on Basis of Customs, Circumstances, Time and Place.* Tesis sarjana, Universiti Durham.
- Nur Farhah Mahadi (2010). *Commodity Murabahah as Practiced by IFIs: A Critical Analysis from Fiqh Perspective.* Tesis sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Siddiqi, Mohammad Nejatullah (2007, February). *Economics of Tawarruq: How its Mafasid overwhelm the Masalih.* In Tawarruq Seminar organised by the Harvard Islamic Finance Programme, at London School of Economics, London, UK on (Vol. 1).
- Rafe Haneef (2009). *Is the Ban on "Organized Tawarruq" the Tip of the Iceberg?* ISRA Research Paper (No: 2 /2009).
- Salman H Khan (2009). *Why Tawarruq Needs To Go. AAOIFI and the OIC Fiqh Academy: Divergence or agreement?*, dalam Islamic Finance News, 4 th September 2009, p:17-22.
- Sohaib Umar (2016). *"Commodity Murabahah / Tawarruq: Why Regulators Must Stop Its Use"*, ISRA–Thomson Reuters Islamic Commercial Law Report 2016, p: 64-71.
- Zubair Hasan (2008). *Commodity Murabaha: Does It Violate Islamic Norms?* [https://mpr.a.ub.uni-muenchen.de/11736/1/MPRA\\_paper\\_11736.pdf](https://mpr.a.ub.uni-muenchen.de/11736/1/MPRA_paper_11736.pdf)

### Temu bual:

Temu bual bersama Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim. Pengerusi Penasihat Syariah Bursa Suq Al-Sila' (BSAS).	
Tarikh	15 Februari 2019
Tempat	ISRA @ INCEIF, Kuala Lumpur
Masa	3:00- 4:10 p.m.

Temu bual bersama Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir. Pengerusi, Penasihat Syariah Agrobank dan Penasihat Syariah Maybank Islamic.	
Tarikh	13 Mac 2019
Tempat	Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya
Masa	9:45 – 10:20 a.m.

Temu bual bersama Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah. Pensyarah School of Humanities, USM (Bekas Penasihat Syariah Agrobank)	
Tarikh	3 Mei 2019
Tempat	School of Humanitis, Universiti Sains Malaysia
Masa	3:00 – 4:00 p.m.